

BAGES CREAM

Methyl salicylate/Menthol/Camphor (30 % w/w / 10 % w/w / 4 % w/w)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Bages*
2. Bagaimana *Bages* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Bages*
4. Cara menggunakan *Bages*
5. Semasa menggunakan *Bages*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Bages*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Bages*

Bages digunakan untuk melegakan sakit ringan pada otot dan sendi secara sementara.

Bagaimana *Bages* berfungsi

Methyl salicylate, mentol dan camphor adalah analgesik luaran yang merangsang rasa kehangatan dan/atau sejuk. Ini menghasilkan tindak balas yang merengsa yang memberikan keleaan sementara sakit ringan pada otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit belakang, *arthritis*, ketegangan dan seluah.

Sebelum menggunakan *Bages*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan *Bages*:

- Jika anda alah kepada mana-mana bahan kandungan
- Sekiranya anak anda berumur kurang dari 2 tahun.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan gunakan *Bages* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan gunakan *Bages* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan

Produk ini hanya untuk penggunaan luaran. Jangan mengguna pada luka atau kulit yang cedera atau di kawasan yang luas atau dengan pembalut.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi,

pasaraya, atau kedai makanan kesihatan terutamanya, "penipis darah" (misalnya warfarin).

Cara menggunakan *Bages*

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Sapukan ke kawasan yang sakit 2-3 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Sekiranya keadaan bertambah teruk, atau jika simptom berterusan selama lebih daripada 7 hari atau sembah dan timbul semula dalam masa beberapa hari, hentikan penggunaan produk ini dan dapatkan nasihat doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala termasuk pening, bunyi bising atau deringan di telinga, pekak, berpeluh, mual dan muntah, sakit kepala dan kekeliruan, dan boleh dikawal dengan mengurangkan dos.

Semasa menggunakan *Bages*

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Bages*

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Bages* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian perlu diberikan apabila kanak-kanak lebih besar dirawat.

Adalah berbahaya untuk meletakkan apa-apa produk yang mengandungi camphor ke dalam lubang hidung kanak-kanak. Sedikit ubat yang digunakan dengan cara ini boleh menyebabkan pengsan dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Bages* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan adalah kerengsaan kulit, kemerahan atau pembengkakan, pedih atau rasa menyengat. Pening atau loya juga boleh berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Bages

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di suhu tidak melebihi 30 °C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih, licin, likat, tidak berminyak dengan bau yang istimewa dan tajam.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Methyl salicylate, Menthol and Camphor

- Bahan tidak aktif
Butylated hydroxytoluene, Atlas G 1726, Cyclogol NI wax, Lutrol F68, Sodium lauryl sulfate, Simethicone emulsion 30%, Germaben II dan Purified water

- Nombor MAL

MAL06100732X

Pengilang

Unison Laboratories Co., Ltd.
39 Moo 4, Klong Udomcholjorn, Muang Chachoengsao, Chachoengsao 24000 Thailand

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn. Bhd.
No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2 (Off Boundary Road) 11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

6.3.2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)180118/00018